

TERHAD

DOKUMEN TENDER
NO. SIRI :



**KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BUKIT KIARA, OFF JALAN DAMANSARA
60000 KUALA LUMPUR**

KOD TENDER: KGPA/TENDER/SEC/2024

DOKUMEN TENDER

UNTUK

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN
(TANPA SENJATA) DI KELAB GOLF
PERKHIDMATAN AWAM (KGPA) MALAYSIA**

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

ARAHAN KEPADA PETENDER

ARAHAN KEPADA PETENDER

1. PERIHAL TENDER

Tender ini adalah bagi melantik syarikat yang akan diberi hak menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan di Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA) Malaysia.

2. DOKUMEN TENDER

2.1 Tender hendaklah dibuat di atas borang rasmi yang telah disediakan. Dokumen tender ini mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Arahan Kepada Petender
- ii. Kenyataan Tawaran
- iii. Syarat-Syarat Am Tender (**Lampiran A**)
- iv. Operasi Harian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di KGPA (**Lampiran B**)
- v. Keterangan Mengenai Petender (**Lampiran C**)
- vi. Surat Akuan Petender (**Lampiran D**)
- vii. Jadual Harga Tender (**Lampiran E**)

2.2 Dokumen tender ini dijual dengan harga **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) sahaja bagi satu set secara email**. Tiap-tiap borang yang terkandung dalam dokumen tender mempunyai **nombor siri** yang sama. **Hanya dokumen yang bernombor siri sahaja yang diakui sah dan akan dipertimbangkan bagi maksud tender ini.**

3. CARA-CARA MENGISI BORANG TENDER

3.1 Petender hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen tender serta menyemak kandungan dokumen tender dengan teliti sebelum mengisi borang-borang tender. Petender hendaklah mencetak helaian dokumen tender dengan berwarna dan tidak dibenarkan menggunakan borang tender yang difotostat. KGPA berhak menolak tender yang dibuat atas dokumen yang difotostat.

3.2 Borang tender hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah seboleh-bolehnya ditaip. Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

- 3.3 Borang-Borang Yang Perlu Diisi.
 - 3.3.1 Keterangan Mengenai Petender (**Lampiran C**)
 - 3.3.2 Surat Akuan Petender (**Lampiran D**)
 - 3.3.3 Jadual Harga Tender (**Lampiran E**)
- 3.4 Setiap borang yang dinyatakan di atas hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa oleh syarikat dan dicop dengan cop syarikat. **Borang yang tidak ditandatangani dan bercop adalah tidak sah/laku dan akan ditolak.**
- 3.5 Petender adalah diingatkan bahawa kadar harga yang ditawarkan dalam Jadual Harga Tender adalah merupakan hasil daripada perkiraan yang dibuat berpandukan asas-asas perkiraan yang munasabah.

4. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

- 4.1 Semua pembetulan/pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen tender serta dicopkan dengan cop syarikat. Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

5. PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER

- 5.1 Petender adalah dikehendaki menghantar dokumen tender yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh mereka yang diberi kuasa. Naskhah asal dokumen tender yang dimaksudkan adalah seperti berikut:
 - 5.1.1 Keterangan Mengenai Petender (**Lampiran C**).
 - 5.1.2 Surat Akuan Petender (**Lampiran D**).
 - 5.1.3 Jadual Harga Tender (**Lampiran E**).
 - 5.1.4 Salinan fotostat resit pembelian dokumen tender.
 - 5.1.5 Salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkenaan.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

- 5.1.6 Salinan lesen untuk menjalankan urusan agensi persendirian yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.
- 5.1.7 Profail syarikat yang lengkap dan terkini (sijil-sijil pendaftaran, bayaran caruman KWSP dan berkaitan)
- 5.2 Dokumen tender yang lengkap dengan perkara-perkara di 5.1 hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditanda pada bahagian atas sampul surat itu dengan butir-butir berikut:
- Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024
- Tajuk Tender : Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata di Kelab Golf Perkhidmatan Awam, Malaysia.
- Alamat : Jabatan Kewangan & Pentadbiran,
Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia
Bukit Klara Off Jalan Damansara
60000 KUALA LUMPUR
- 5.3 Dokumen tender hendaklah dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar atau perkhidmatan kourier dan diterima oleh Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia tidak lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan. **Dokumen Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.**
- 5.4 KGPA **tidak** bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen tender yang dihantar.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

KENYATAAN TAWARAN

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

*Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia***KENYATAAN TAWARAN TENDER**

Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia mempelawa syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kod Bidang/Sub-Bidang/Pecahan yang berkaitan untuk menyertai tender berikut:

KOD TENDER	BUTIRAN TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH JUALAN DOKUMEN TENDER, TAKLIMAT TENDER DAN TARIKH TUTUP TENDER
KGPA/TENDER/SEC/2024	Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Di Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA) Harga Dokumen: RM500.00	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia Kod Bidang: 22 Sub-Bidang: 08 Pecahan: 01	<u>Tarikh Jualan Dokumen Tender:</u> 14hb Jun 2024 hingga 21hb Jun 2024 <u>Tarikh Taklimat Tender:</u> 14hb Jun 2024 jam 10.00 pagi Bilik Kiara, KGPA <u>Tarikh Tutup Tender:</u> 05hb Julai 2024 Sebelum Jam 12.00 tengahari

- Perkhidmatan kawalan keselamatan yang ditawarkan adalah untuk tempoh tiga (3) tahun + satu (1) tahun + satu (1) tahun (5 Tahun berdasarkan prestasi), berkuatkuasa mulai dari tarikh yang akan dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.
- Syarikat yang ingin menyertai tender ini diwajibkan menyertai Sesi Taklimat Tender yang akan diadakan pada **14hb Jun 2024 jam 10.00 pagi** bertempat di Bilik Kiara, KGPA.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

4. Hanya seorang wakil sahaja dibenarkan untuk menyertai Sesi Taklimat Tender daripada setiap syarikat dan hendaklah terdiri daripada ahli Lembaga pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang diberi kuasa. Tawaran yang diterima daripada syarikat yang tidak menyertai Sesi Taklimat Tender tidak akan dipertimbangkan.
5. Pembelian Dokumen Tender hendaklah dibuat secara atas talian (online) mulai dari **14hb Jun 2024** sehingga **21hb Jun 2024** jam 12.00 tengahari dengan bayaran sebanyak **RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja)**. Permohonan pembelian Dokumen Tender ini hendaklah dibuat melalui emel kepada acct@kpgagolf.com dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia, slip kehadiran lawatan tapak berserta salinan slip pembayaran yang ditetapkan. Bayaran hendaklah dibuat secara atas talian sahaja atas nama:

**KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

Bank: **MAYBANK**

No. Akaun: **564155552401**

Swift Code: **MBBEMYKLWSD**

6. Dokumen Tender akan diemelkan kepada syarikat dalam bentuk PDF selepas terimaan bayaran disahkan. Setiap Dokumen Tender mempunyai satu nombor siri dan setiap syarikat hanya dibenarkan membeli satu set Dokumen Tender sahaja.
7. Contoh Dokumen Tender dan maklumat tender ini boleh diperolehi dalam website KGPA <https://www.kpgagolf.com/tenderkeselamatan>
8. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis **Kod Tender** dan **Tajuk Tender** di penjurong atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar melalui perkhidmatan pos berdaftar atau perkhidmatan kourier kepada Jabatan Pentadbiran & Kewangan, Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA), Bukit Kiara Off Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **05hb Julai 2024**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

9. KGPA tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran. KGPA juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan yang ditanggung oleh syarikat berhubung urusan tender ini.

KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM

Bertarikh: 9hb Jun 2024

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT AM TENDER

LAMPIRAN A**SYARAT-SYARAT AM TENDER**

Petender dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am Tender apabila menyertai tender ini. KGPA berhak untuk menolak mana-mana tender yang tidak mematuhi mana-mana Syarat Am seperti dinyatakan di bawah.

1. Syarikat-syarikat yang hendak memasuki tender ini hendaklah **berdaftar** dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** di bawah kod bidang yang berkaitan seperti mana yang diiklankan. Syarikat juga perlu **mempunyai lesen yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN)**.
2. Sesi Taklimat Tender akan diadakan pada **14hb Jun 2024** bertempat di Bilik Kiara, KGPA pada jam **10.00 pagi**. Sesi Taklimat Tender ini adalah **WAJIB** kepada syarikat yang berhasrat untuk menyertai tender ini. Hanya satu (1) wakil syarikat dibenarkan untuk menyertai sesi ini.
3. Syarikat perlu memiliki **'Professional Indemnity Insurance Coverage'**.
4. Petender yang berjaya adalah dikehendaki melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - 4.1 membekalkan pengawal keselamatan yang memiliki **taraf kesihatan yang baik dan mematuhi syarat-syarat minima yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN)**.
 - 4.2 membekalkan pengawal keselamatan yang memiliki **sijil kelulusan tapisan keselamatan** daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).
 - 4.3 membekalkan pengawal keselamatan berumur antara 21 tahun hingga 55 tahun. Pengawal yang melebihi umur 55 tahun mestilah mendapat kelulusan khas KGPA.
 - 4.4 mengemukakan senarai pengawal untuk kelulusan Pengurusan KGPA.
 - 4.5 Pengawal hendaklah sentiasa memakai uniform lengkap dan kemas seperti yang disyaratkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).
 - 4.6 Pengawal ronda hendaklah dibekalkan dengan motorsikal lengkap dengan lampu suluh.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

- 4.7 Pengawal hendaklah mampu bertutur sekurang-kurangnya dalam Bahasa Malaysia.
- 4.8 Pengawal tidak dibenarkan bekerja terus menerus selama (24) jam.
5. Petender yang berjaya hendaklah menghantar wakil ke Mesyuarat Pengurusan KGPA dan mesyuarat bulanan Jawatankuasa Kecil Keselamatan, KGPA jika dan apabila dipanggil. Wakil tersebut mestilah sekurang-kurangnya Pengurus Operasi/Pengurus Bahagian.
6. Hanya dokumen tender yang dikeluarkan oleh KGPA dengan **bernombor siri** sahaja akan diterima. Lain-lain borang tidak akan diterima kecuali butiran maklumat sebagai tambahan kepada borang yang asal. Pastikan dokumen yang dibeli mempunyai nombor siri di setiap mukasuratnya.
7. **Tiap-tiap helai borang tender (termasuk helaian tambahan) mestilah ditandatangani** di bawahnya.
8. Sebarang perubahan/pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah ditandatangani ringkas setentang dengan apa-apa perubahan/pindaan tersebut serta dicop dengan cop syarikat.
9. Harga yang ditawarkan dalam tender ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas tender ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku tender. Petender yang berjaya ditawarkan tender ini dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan sepanjang masa kontrak ini berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan harga.
10. KGPA berhak menyemak semula kadar harga yang ditawarkan oleh petender. Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan kepada jumlah harga yang ditawarkan dengan maklumat semakan semula oleh KGPA, jumlah harga tawaran yang disemak semula oleh KGPA akan digunapakai untuk tujuan tender ini.
11. Petender adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi dan skop kerja berkaitan tender ini supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletakkan harga.
12. Petender yang berjaya dikehendaki mengemukakan **Bon Pelaksanaan** dalam bentuk Jaminan Bank daripada bank-bank berdaftar di Malaysia. **Nilai Bon Pelaksanaan adalah 10% daripada jumlah nilai kontrak setahun.** Bon pelaksanaan akan dikembalikan setelah kontrak dilaksanakan dengan sempurna dan jika kontrak tidak dilaksanakan dengan memuaskan Bon Pelaksanaan mungkin **tidak akan dikembalikan.**

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

13. Tempoh sahlaku tender ini adalah selama **satu ratus lapan puluh (180) hari** bermula dari tarikh tender ditutup. Tempoh ini boleh, dengan persetujuan bersama, dilanjutkan jika dan apabila perlu.
14. KGPA tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang terendah atau mana-mana tawaran atau menyatakan apa-apa sebab sesuatu tawaran ditolak. Keputusan KGPA adalah muktamad dan KGPA tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan berhubung sebab-sebab sesuatu tender tidak berjaya.
15. Petender yang berjaya adalah diwajibkan mengikat suatu kontrak dengan KGPA. Syarat-syarat tender dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak. Syarat-syarat kontrak ini boleh dipinda dari semasa ke semasa dengan persetujuan kedua-dua pihak. Sebarang kos yang terlibat adalah ditanggung oleh petender.
16. Kontrak perjanjian boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak tanpa perlu memberi apa-apa sebab dengan memberi notis **tiga (3) bulan secara bertulis**.
17. Tiada maklumat mengenai tender ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh KGPA terlebih dahulu.

LAMPIRAN B

**OPERASI HARIAN PERKHIDMATAN
KAWALAN KESELAMATAN DI KGPA**

LAMPIRAN B**OPERASI HARIAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN
DI KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

Berikut adalah operasi harian bagi perkhidmatan kawalan keselamatan di Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA) Malaysia:

1. Jumlah anggota pengawal keselamatan:
 - 1.1 **Siang** (7 pagi hingga 7 malam) – **Lapan (8) Pengawal x 12 jam**
 - 1.2 **Malam** (7 malam hingga 7 pagi) – **Lima (5) Pengawal x 12 jam**
2. Kedudukan/lokasi Tempat Bertugas:
 - 2.1 **Pengawal Siang**
 - 2.1.1 Satu (1) Ketua Pengawal di bangunan Rumah Kelab/Kaunter Pertanyaan.
 - 2.1.2 Satu (1) Pengawal Ronda. (Meronda seluruh kawasan KGPA menggunakan motorsikal di kawasan lapangan golf, kompleks penyelenggaraan padang, kolam renang dan kawasan parkir dari masa ke semasa termasuk kawalan lalu-lintas.
 - 2.1.3 satu (1) Pengawal di pintu gerbang jalan masuk ke KGPA.
 - 2.1.4 Satu (1) Pengawal di pondok tinjau jalan masuk KGPA.
 - 2.1.5 Satu (1) Pengawal ronda di Kawasan parkir ahli, Kompleks renang dan Bangunan Parkir Bertingkat.
 - 2.1.6 Satu (1) Pengawal di Pondok Pengawal di Kompleks Penyelenggaraan Jabatan Padang & Landskap.
 - 2.1.7 Satu (1) Pengawal di bangunan **Annex** KGPA dan kawasan parkir A3 & A4.
 - 2.1.8 Satu (1) Pengawal di pondok pengawal Tee Box 4

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

2.2 Pengawal Malam

2.2.1 Satu (1) Pengawal di pondok tinjau jalan masuk ke KGPA.

2.2.2 Satu (1) Pengawal di pintu gerbang jalan masuk KGPA.

2.2.3 Dua (2) Pengawal untuk kawalan keselamatan bangunan Rumah Kelab, bangunan Annex dan Kawasan parkir. Dua (2) pengawal ini juga akan bertindak meronda di seluruh Kawasan KGPA dan akan menggunakan sistem *clock-in* di 26 tempat dalam masa dua (2) jam satu (1) rondaan. (Meronda seluruh kawasan padang golf dan premis Kelab serta kawalan lalu-lintas dari semasa ke semasa).

2.2.4 Satu (1) Pengawal di Pondok Pengawal Kompleks Penyelenggaraan Jabatan Padang & Landskap.

3. Tugas Pengawal Keselamatan:

Skop kerja boleh dipinda/tambah dari semasa ke semasa dengan persetujuan kedua-dua belah pihak.

3.1 Mengawal dan mengawasi harta benda kepunyaan KGPA dan ahli-ahlinya serta pelawat.

3.2 Melindungi semua orang yang berada di kawasan KGPA serta barangan mereka berlandaskan undang-undang.

3.3 Menghalang elemen yang tidak dikehendaki daripada menganjur atau membuat aktiviti-aktiviti terlarang atau yang mencemarkan KGPA.

3.4 Mengenalpasti orang-orang yang mencurigakan serta mengambil tindakan berpatutan untuk mengusir, menahan atau lain-lain tindakan yang sewajarnya tanpa menimbulkan huru-hara di kawasan KGPA.

3.5 Menahan orang-orang yang tidak dikehendaki atau yang disenarai hitam daripada memasuki premis KGPA.

3.6 Memeriksa dan melaporkan pergerakan-pergerakan tanpa kebenaran di dalam premis KGPA.

3.7 Menentukan kawalan keselamatan yang bersesuaian semasa acara-acara atau majlis-majlis yang berlangsung di KGPA.

3.8 Menentukan pergerakan serta kawalan trafik dalam kawasan KGPA.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

- 3.9 Menyasat sekiranya terdapat perkara-perkara yang melibatkan *security breach* dan melaporkan kepada Pengurusan KGPA.
- 3.10 Sentiasa bersiap sedia apabila berlaku kecemasan dan melaksanakan pelan tindakan kecemasan Kelab. Memanggil bomba dengan segera apabila berlaku kebakaran/memanggil polis apabila berlaku kes jenayah.
- 3.11 Bekerjasama dengan pihak berkuasa di dalam perkara-perkara berkaitan keselamatan.
- 3.12 Membuat pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa ke atas kad ahli/pelekat kereta (*car sticker*)/pas pekerja. Satu rekod pemeriksaan ini hendaklah disediakan.
- 3.13 Menjalankan rondaan di medan letak kereta, tempat bugi, stor dan padang golf bagi memastikan peraturan meletak kereta dipatuhi dan orang-orang yang tidak diingini tidak berkeliaran serta mencegah pekerja-pekerja yang tiada urusan rasmi berkeliaran di rumah kelab.
- 3.14 Pengawal keselamatan yang bertugas di kaunter keselamatan bangunan Rumah Kelab hendaklah memberi perhatian khas kepada orang-orang kenamaan (VIP) yang berada di rumah kelab. Pengawal juga diminta memerhatikan keselamatan beg golf yang diletakkan buat sementara waktu di tempat simpan barang di kiri dan kanan kawasan lobi/bangunan Annex.
- 3.15 Mengawasi dan mengendalikan kaunter sambutan kelab sekiranya diperlukan.
- 3.16 Memastikan lampu-lampu keselamatan di pasang sementara lampu-lampu lain atau kawasan yang tidak digunakan ditutup.
- 3.17 Menerima dan melaksanakan arahan kerja dari Pegawai Keselamatan Kelab dari semasa ke semasa.
- 3.18 Menghalang masuk elemen yang tidak dikehendaki seperti peniaga, binatang dan lain-lain daripada menceroboh ke premis kelab.
- 3.19 Mengambil rekod pelawat dan menyelenggara daftar rekod pelawat sewajarnya.
- 3.20 Melaporkan sebarang kegiatan mencurigakan yang mana boleh menjejaskan keselamatan KGPA.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

- 3.21 Membantu KGPA di dalam mengendalikan hal-hal kecemasan seperti kebakaran, banjir dan sebagainya.
4. Pengawal keselamatan hendaklah pada setiap masa mematuhi dan melaksanakan perkara-perkara berikut:
- 4.1 Pakaian Seragam
- Pengawal keselamatan mestilah sentiasa berpakaian kemas dan lengkap (lengkap bererti memakai cota, wisel, tali pinggang, kasut dan sebagainya) sewaktu bertugas.
- 4.2 Penampilan
- Penampilan adalah penting bagi seseorang pengawal keselamatan kerana beliau adalah orang pertama yang akan ditemui oleh pelawat atau orang yang masuk ke pos berkenaan. Pengawal tidak boleh berambut panjang, tidak bercukur atau berpakaian selekeh. Seorang pengawal yang kemas dan segak penampilannya akan disegani dan dihormati.
- 4.3 Ketepatan Waktu
- Pengawal mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya 15 minit sebelum bertugas. Ini adalah untuk memastikan proses penyerahan tugas dapat dilakukan dengan sempurna.
- 4.4 Buku-buku Laporan
- Pengawal perlu memastikan semua buku yang diperlukan untuk beliau dapat menjalankan tugas dengan sempurna ada dan dikemaskini seperti buku laporan, buku pelawat, buku pergerakan kenderaan dan sebagainya. Jika tiada ataupun habis digunakan, pengawal mesti membuat permohonan untuk mendapatkan buku baru.
- Pengawal keselamatan juga hendaklah memastikan tugas-tugas berikut dilaksanakan:
- 4.4.1 Rekod penyerahan tugas pengawal keselamatan.
- 4.4.2 Laporan kejadian/acara (*events*) atau keadaan keselamatan dari masa kesemasa.
- 4.4.3 Rekod keluar/masuk kenderaan ahli.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

4.4.4 Rekod keluar/masuk pelawat serta kenderaannya.

4.4.5 Rekod pengambilan/penyerahan anak kunci.

4.4.6 Laporan '*clock-in*' malam hendaklah diserahkan kepada Pegawai Keselamatan Kelab setiap pagi selewat-lewatnya pukul 8.00 pagi.

4.5 Menjaga Harta Benda Kelab

Pengawal perlu mengambil berat dalam menjaga harta benda KGPA. Ini termasuklah mengelakkan daripada berlakunya kecurian, pecah masuk dan penyalahgunaan harta benda Kelab. Pengawal juga hendaklah menyerahkan dengan segera kepada Pengurusan Kelab barang-barang yang tercicir/dijumpai untuk tindakan susulan sewajarnya.

4.6 Penyerahan Tugas

Pengawal mesti menyerah dan mengambil alih tugas di setiap syif. Semasa penyerahan tugas, pengawal yang mengambil alih mestilah menyemak buku laporan (untuk memastikan buku diisi dengan betul atau jika ada kejadian dilaporkan), buku pelawat, buku pergerakan, buku serah menyerah kunci dan buku-buku lain jika ada. Periksa semua anak kunci dan buku-buku lain yang ada dipersekitaran.

4.7 '*Roll Call*'

Pengawal mestilah menghadirkan diri untuk *Roll Call* sebelum permulaan tugas. *Roll Call* untuk syif pagi pada jam 07.00 pagi dan syif petang pada jam 07.00 malam. Waktu *roll call* adalah tertakluk kepada pindaan Pengurusan KGPA. Pengawal yang tidak menghadirkan diri akan dikira tidak bertugas.

4.8 Kebersihan

Pengawal perlu memastikan kebersihan pondok pengawal. Jangan menggantung pakaian merata di dalam atau diluar pondok pengawal. Jangan simpan barang-barang yang tidak perlu seperti kadbord atau surat khabar sebagai alas untuk tidur, pinggan mangkuk, periuk belanga dan sebagainya dalam pondok pengawal.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

4.9 Merokok

Pengawal tidak boleh merokok di luar pondok pengawal mahupun bila berdepan dengan pelawat, pelanggan atau majikan. Beliau juga tidak boleh merokok di kawasan larangan merokok.

4.10 Meninggalkan Pos

Pengawal tidak boleh meninggalkan pos atau tempat bertugas selagi tidak diganti. Pengawal mesti menunggu sehingga pengganti sampai.

4.11 Kawasan Larangan

Pengawal tidak dibenarkan memasuki kawasan-kawasan yang dilarang bagi pengawal-pengawal seperti kawasan/bilik yang diisytiharkan sebagai kawasan/bilik larangan kecuali pada waktu kecemasan.

Pengawal keselamatan adalah dilarang mengusik sebarang dokumen, suis, peralatan dan sebagainya tanpa kebenaran kecuali di arah berbuat demikian.

4.12 Larangan Di Pondok Pengawal

Pengawal di larang tidur, menggunakan telefon dalam pondok pengawal dan dilarang membawa barang seperti radio dan televisyen yang boleh menjejaskan mutu kawalan. Pengawal keselamatan bertanggungjawab memastikan orang awam atau pekerja atau pengawal yang tidak bertugas tidak berada di dalam pondok pengawal.

4.13 Telefon

Pengawal tidak dibenarkan menggunakan telefon mudah alih dalam masa waktu bertugas, kecuali dalam urusan yang benar-benar mustahak dan dalam keadaan kecemasan.

4.14 Kerjasama

Pengawal keselamatan hendaklah bekerjasama dengan pegawai atau anggota KGPA di dalam menjalankan tugas harian.

4.15 Maklum Balas/Hubungan

Ketua Pengawal hendaklah menghubungi Pegawai Keselamatan Kelab atas apa jua kejadian dan kekeliruan ketika menjalankan tugas.

LAMPIRAN C
KETERANGAN MENGENAI
PENTENDER

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

LAMPIRAN C

KETERANGAN MENGENAI PETENDER

1. NAMA SYARIKAT : _____

2. ALAMAT SYARIKAT

i. Ibu Pejabat : _____

ii. Cawangan : _____

3. NO TELEFON/FAX/EMAIL

i. Ibu Pejabat
Telefon : _____

Fax : _____

Email : _____

ii. Cawangan

Telefon : _____

Fax : _____

Email : _____

4. SIJIL PENDAFTARAN/LESEN (SALINAN PERLU DISERTAKAN)

i. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia

Tempoh Pendaftaran : Mulai : _____

Hingga : _____

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

- ii. Lesen Untuk Menjalankan Urusan Agensi Persendirian yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri

Tempoh Lesen : Mulai : _____
Hingga : _____

Kod Bidang Pendaftaran : _____

5. MODAL (isi mana yang berkenaan sahaja)

- i. Perseorangan/perkongsi : RM _____

- ii. Sendirian Berhad (Sdn Bhd) / Berhad (Bhd)

a) Modal Dibenar : RM _____

b) Modal Dibayar : RM _____

** Petender hendaklah mengepilkan bersama laporan kewangan syarikat yang telah di audit untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun terkini dan juga penyata kewangan syarikat sekurang-kurangnya 6 bulan terkahir dan disahkan oleh bank yang berkenaan.*

6. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

- i. Perseorangan

Nama Pemilik : _____

No K/P : _____

- ii. Perkongsi :

Nama Pekongsi	No K/P	% Kongsi

* Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

iii. Sendirian Berhad/Berhad

Nama Pemegang Saham	No K/P	% Bahagian

* Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi.

iv. Ahli Lembaga Pengarah

Nama	No K/P	Keturunan

* Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi.

7. KOMPOSISI PEKERJA

	<u>Bumiputera</u>	<u>Bukan Bumiputera</u>	<u>Jumlah</u>
i. Pengurusan	_____	_____	_____
ii. Teknikal/Eksekutif	_____	_____	_____
iii. Pentadbiran/Akaun	_____	_____	_____
iv. Operasi	_____	_____	_____

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

8. PENGALAMAN : Sila lampirkan senarai perkhidmatan yang telah dan sedang dilaksanakan.

PERAKUAN : (Ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa)

Dengan ini saya mengaku dan mengesahkan bahawa segala butir-butir dan maklumat di atas adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

**No Kad
Pengenalan** :

Jawatan :

Cop Syarikat

Tarikh :

CONTOH

LAMPIRAN D

SURAT AKUAN

PENTENDER

LAMPIRAN D

SURAT AKUAN PETENDER

KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Bukit Kiara, Off Jalan Damansara
60000 KUALA LUMPUR.

Tuan,

TENDER PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa _____ telah mengemukakan untuk mengambil bahagian dalam tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA). Harga yang ditawarkan oleh pihak kami adalah seperti di Jadual Harga Tender di **LAMPIRAN E**.

2. Kami sebagai petender dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat tender, kontrak dan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen tender. Kami juga memahami bahawa KGPA berhak menerima atau menolak tawaran ini tanpa perlu menyatakan apa-apa sebab ke atas penolakan itu. Keputusan KGPA adalah muktamad.

3. Kami bersetuju bahawa harga tender yang ditawarkan ini sah laku (*valid*) untuk tempoh selama seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh tutup tender. Dalam tempoh tersebut kami **tidak** boleh menarik diri daripada tender ini dan meminda harga yang ditawarkan.

4. Sekiranya tawaran kami ini diterima, kami akan mengikat suatu kontrak serta memberi cagaran keselamatan (Bon Perlaksanaan) dalam tempoh **empat belas (14)** hari dari tarikh terima surat tawaran. Kami juga bersetuju bahawa harga yang kami tawarkan akan digunakan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran ke atas perkhidmatan kami setelah perkhidmatan tersebut disahkan oleh bahagian/unit yang bertanggungjawab di KGPA.

5. Kami yang bertandatangan di bawah ini, adalah dengan ini mengesahkan bahawa dokumen tender yang digunakan untuk tender ini adalah yang sebenarnya telah dibeli oleh syarikat ini.

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

(Tandatangan orang yang diberi kuasa)

Nama :

No Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

Cop Syarikat

Nama Saksi :

No Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

Tandatangan
Saksi

LAMPIRAN E

JADUAL HARGA

TENDER

Kod Tender : KGPA/TENDER/SEC/2024

LAMPIRAN E**JADUAL HARGA TENDER
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN**

No Tender	Butir-butir Tawaran	Lokasi
KGPA/TENDER/SEC/2024	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata	Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA)
Kadar Harga RM/Jam		

Saya/kami bagi pihak syarikat _____ bersetuju untuk menawarkan harga yang tersebut di atas untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan seperti yang dinyatakan dalam dokumen tender ini.

(Tandatangan orang yang diberi kuasa)

Nama :

No Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat :